

**UCAPAN Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI AZIZAN ZAINUL ABIDIN PENERUSI
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA
SEMPENA PELANCARAN PUSTAKA PERDANA PADA HARI KHAMIS
29.4.04 JAM 3:00 PETANG**

Bagi pihak Exco Yayasan Kepimpinan Perdana saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada hadirin sekalian kerana dapat meluangkan masa untuk memeriahkan majlis pelancaran Pustaka Perdana pada petang ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakam setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sudi menerima jemputan kami untuk menyempurnakan pembukaan perpustakaan ini.

Pustaka Perdana ini adalah satu daripada projek Yayasan Kepimpinan Perdana yang dilaksanakan untuk mengabadikan sumbangan Perdana Menteri Malaysia terhadap pembangunan negara. Ia merupakan satu khazanah warisan dokumen dalam berbagai bentuk mengenai riwayat, dasar dan program serta visi ke empat empat Perdana Menteri Malaysia yang telah menerajui Kerajaan negara ini sejak negara ini mencapai kemerdekaan 46 tahun dahulu pada 31 Ogos, 1957. Perpustakaan ini akan mengumpulkan satu koleksi komprehensif yang dapat dijadikan sumber rujukan bagi penyelidik, penulis dan siapa sahaja yang berminat mengetahui dasar dan pendekatan Perdana Menteri Malaysia dalam usaha mereka membentuk dan mencorakkan pembangunan negara ini. Perpustakaan ini akan dibangunkan menjadi pusat sumber utama dan terulung bagi coretan sejarah pergolakan dan perkembangan politik, sosial dan ekonomi yang dihadapi pucuk pimpinan negara ini. Adalah harapan penganjur projek ini agar dengan adanya kemudahan ini dan aktivitiannya, rakyat Malaysia dapat didorong mengenal negara mereka secara lebih dekat dan mendalam dan menyumbang menyemarakkan perasaan kasih dan cinta terhadapnya.

Adalah menjadi kebanggaan kita semua bahawa projek ini berupa inisiatif sektor swasta. Yayasan Perdana ini ditubuhkan dengan sumbangan dua puluh enam syarikat dan individu yang masing-masing telah menderma satu juta ringgit. Sumbangan itu adalah untuk membentuk satu yayasan bagi menghayati jasa dan khidmat Tun Dr. Mahathir. Bila cadangan itu disampaikan kepada Tun Dr. Mahathir, beliau minta supaya matlamat project yang di cadangkan itu diperluaskan untuk mengenang

jasa kesemua bekas Perdana Menteri Malaysia. Akur kepada kehendak Tun Dr. Mahathir tujuan projek tersebut telah disesuaikan meliputi ke empat-empat bekas Perdana Menteri.

Nama 26 penyumbang terlibat ada tersenarai dalam buku khas Pustaka Perdana yang telah diedar kepada para hadirin di majlis ini. Selain dari 26 penyumbang itu terdapat beberapa penderma lagi yang menyumbang 'in kind'. PETRONAS adalah penyumbang terbesar dengan sumbangan bernilai lebih tiga juta ringgit.

Selain dari projek perpustakaan ini, Yayasan Kepimpinan Perdana telah merancang beberapa program bertujuan menghayati warisan pemikiran kesemua bekas Perdana Menteri kita. Satu siri 10 discourses sedang diatur untuk di laksanakan mulai bulan Jun. Yayasan akan menaja beberapa penyelidikan, colloquium dan workshop dengan tujuan memperkukuhkan khazanah koleksi Pustaka Perdana ini.

Ladies and Gentlemen,

In drawing the invitation list for this afternoon's event the Exco had asked for two groups of people to be included. The first group to comprise representatives of the companies that had responded to the call for contribution. We are pleased and encouraged that these companies had decided to participate in this worthy project. They have been the beneficiary of the policies and visions of the past Prime Ministers. It is apt and proper that they chip in and participate in this effort to preserve and propagate the intellectual heritage of the leaders who had moulded and shaped the course of development of this nation. We hope they will continue to give their support to grow this library into a premier resource centre on par with similar institutions in the developed nations. We have been modelling the Perdana Library on the Scripps Library in the US – a renowned private sector funded library on US national policies.

The second group of invitees comprises the people both in the private and public sectors who had in various capacities participated in the development of this nation under the leadership of the past four Prime Ministers. I hope they will help us to develop this library into the best resource centre on

Malaysia's Prime Ministers for the benefit of present and future generations. The Yayasan is drawing up a number of programmes for these warga emas to get together and assist us in putting down on record the events that have become part of this nation's history. In this effort we would urge members of the public who have in their possession documents of historical value to let us have them – or a copy of those documents.

Para hadirin yang saya muliakan,

Sumbangan yang diterima setakat ini telah dibelanjakan membina dan melengkapkan bangunan ini. Pihak kami sedang berusaha untuk menambah punca kewangan Yayasan ini supaya dapat ia beroperasi dengan aktif dan berkesan. Sejauh mana aktiviti Yayasan ini dapat diperkembangkan bergantung kepada sponsorship dan sumbangan yang diterima dari masa ke semasa. Untuk mengelak projek ini terkandas dan hidup kais pagi makan pagi kais petang makan petang, kami bercadang menubuhkan satu endowment yang dapat menjamin punca kewangan yang berterusan. Kami berharap endowment yang dicadangkan itu dapat dilancarkan apabila Yayasan ini dibuka dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bulan Jun akan datang. Penubuhan Endowment itu akan memberi peluang kepada pihak yang ingin terlibat dalam projek ini untuk menyumbang kepada usaha yang bertujuan memperkukuh kewibawaan negara ini dan pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, berhemah dan bertamadun.

Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada hadirin sekalian kerana sudi hadir di majlis ini untuk melahirkan satu lagi usaha baru di negara kita. Bagi pihak Exco Yayasan Kepimpinan Perdana saya menyampaikan penghargaan kami terhadap Tun Dr. Mahathir yang telah meluangkan masa untuk menyempurnakan pembukaan Pustaka Perdana ini. Sekian. Terima kasih.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri

Yang Berbahagia Dato'-Dato'

Tuan-tuan dan Puan-puan
para hadirin sekalian